



**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA
KENYATAAN TAWARAN**

1. Tawaran daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar di **Negeri Kedah** sahaja yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [LPIPM(CIDB)] dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan akan diterima di **Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek, Ibu Pejabat MADA, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman** pada **7 April 2022** sehingga jam **12:00** tengahari.

BUTIRAN SEBUTHARGA	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
MEMBINA DAN MENAIKTARAF LINTASAN LADANG DARI <i>LIGHT TRAFFIC BRIDGE</i> (LTB) KE <i>MEDIUM TRAFFIC BRIDGE</i> (MTB) SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI SUNGAI TAJAR, KG. HAJI NAIK KAYU, BLOK PENGAIRAN CCRBD 3e1, 3e2, PPK B-III ALOR SENIBONG, WILAYAH III, MADA. [SEBUTHARGA NO. MADA(SH)/BPPP/P/3/2022]	31 Mac 2022 (Khamis) Jam 3.00 petang Pendaftaran : Jam 2.00 petang hingga 2.45 petang Berkumpul di Pertubuhan Peladang Kawasan Gerak Maju, MADA B-III Alor Senibong, Km. 14, Jalan Titi Idris, 06550 Langgar, Kedah Darul Aman. Lawatan Tapak adalah WAJIB kepada pemilik sahaja dengan membawa bersama sijil/lesen ASAL untuk diperiksa sebelum taklimat lawatan tapak.	Gred G2 Kategori CE Pengkhususan CE02,CE21 & CE36 (Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan)	RM 20 (Satu Set) Bayaran tidak dikembalikan	7 April 2022 (Khamis) Jam 12.00 tengahari

• Hanya Kontraktor yang telah lengkap imunisasi COVID-19 serta tidak dijangkiti COVID-19 atau bukan merupakan kontak rapat atau tidak bergejala sahaja dibenarkan hadir. Kontraktor perlu tunjuk sijil digital vaksin lengkap (penerima dos lengkap yang melepasi hari ke-14 daripada Tarikh suntikan dos kedua) semasa menghadiri lawatan tapak semasa pendaftaran.

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh diperolehi di **Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek, Ibu Pejabat MADA, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman** mulai **31 Mac 2022 (Khamis)** sehingga **7 April 2022 (Khamis)** sehingga jam **12:00** tengahari pada waktu dan hari bekerja.

3. Kontraktor yang ingin membeli Dokumen Tawaran dikehendaki mengemukakan **Sijil Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** serta **Sijil Taraf Bumiputera** untuk pemeriksaan dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut diserahkan kepada pihak MADA sebagai rekod.
4. Dokumen Tawaran juga boleh dibeli oleh wakil kontraktor yang membawa **Surat Wakil Kuasa** serta dokumen-dokumen yang disebutkan dalam Perkara 3.
5. Bayaran untuk membeli Dokumen Tawaran hendaklah dibuat dengan cara **Wang Tunai**. Pembayaran melalui cek tidak akan diterima.
6. Dokumen Tawaran Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri serta ditulis nombor sebutharga dan memasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek, Ibu Pejabat MADA, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman**. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
7. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh : 24/3/2022

Tandatangan :
Nama
Jawatan


Ir. MOHD FARIZAN BIN MOHD YUSOF
Pengarah
Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
(MADA)